

SOALAN NO. 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

**Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan hasil kajian dan rujukan sebelum pelaksanaan hukum penjara
kepada ibu bapa yang merotan kanak-kanak di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin dan mengambil berat berhubung kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak. Sehubungan itu, Kementerian ini sedang meneliti semula Akta Kanak-Kanak 2001 yang memperuntukan elemen pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan serta asas untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak di Malaysia.

Bagi maksud tersebut, KPWKM sedang dalam proses menggubal semula akta sedia ada bagi tujuan penambahbaikan. Salah satu peruntukan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang Kanak-Kanak baharu adalah bagi memansuhkan hukuman **SEBATAN** ke atas pesalah kanak-kanak. Antara hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah kanak-kanak termasuklah amaran, bon berkelakuan baik, denda, perintah percubaan, dihantar ke Sekolah Henry Gurney, atau pemenjaraan. Sebatan adalah salah satu pilihan yang diberikan kepada hakim bagi menghukum mereka dengan kesalahan yang setimpal. Pemansuhan sebatan ini dicadang

supaya digantikan dengan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat yang dilihat dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak dan seterusnya diharap dapat mengubah sikap negatif mereka. Kaedah ini juga dilihat sebagai kaedah yang lebih positif kerana menekankan tentang kesedaran jangka panjang dan penglibatan dalam komuniti.

Manakala bagi perbuatan merotan oleh orang dewasa terhadap kanak-kanak pula, bukan semua perbuatan rotan menjadi kesalahan jenayah. Perlakuan merotan hingga menyebabkan kecederaan fizikal atau mental boleh terjumlah kepada melakukan sesuatu kesalahan jenayah. Peruntukan berkaitan telah lama wujud di dalam Akta Kanak-Kanak sejak tahun 2001 lagi. Sebenarnya perbuatan itu telah dijadikan suatu kesalahan di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau denda tidak melebihi dua puluh ribu atau kedua-duanya.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedang meneliti dan memperhalusi cadangan untuk memasukkan peruntukan undang-undang yang lebih terperinci supaya apa-apa perbuatan kepada kanak-kanak hingga menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi kepada kanak-kanak

merupakan suatu kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman penjara atau denda yang lebih tinggi. Di samping itu, Kementerian juga mempertimbangkan untuk mengadakan hukuman alternatif seperti khidmat masyarakat, kaunseling atau kursus keibubapaan.

Dalam hal ini, kita semua perlu sedar bahawa proses mendidik anak hendaklah dilakukan dengan penuh hikmah dan bijaksana. Justeru amat penting untuk ibubapa mempunyai kemahiran dalam menghadapi karenah anak-anak. KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menyediakan pelbagai kursus keibubapaan bagi meningkatkan kemahiran membesarkan dan mendidik anak-anak seperti kursus Parenting@work, SmartStart, terapi minda dan Ilmu Keluarga@LPPKN seperti Belaian Kasih, Mutiara Kasih dan sebagainya. Kursus-kursus ini diharap memberi tambah nilai kepada kemahiran ibu bapa masa kini dalam mendidik anak-anak. Pada masa yang sama, pendekatan psikososial masih diutamakan dalam mendidik anak-anak kerana pengaruh gaya hidup sosial kini menuntut ibu bapa memahami emosi dan sosial anak-anak.

Justeru, KPWKM sebagai agensi utama yang memperjuangkan

kesejahteraan dan keselamatan hidup kanak-kanak, menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan kaedah mendidik dan mendisiplinkan kanak-kanak yang paling berkesan. Hukuman rotan atau fizikal yang lain tidak semestinya memberikan kesan yang terbaik dan bukannya tiada pilihan yang lain. Kaedah yang memberikan kesedaran dan kesan jangka panjang adalah yang terunggul dalam mencorakkan keperibadian yang sihat dan masa depan yang cerah buat anak-anak Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 10MAC 2015

RUJUKAN : 7488

SOALAN:

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah kenderaan dari negeri Sabah dan Sarawak (terutama sekali pacuan 4 roda) yang diseludup ke Long Bawan, utara Kalimantan Indonesia sejak sepuluh tahun yang lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah jenayah rentas sempadan seperti ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pihak polis tidak mempunyai statistik jumlah kenderaan yang diseludup ke Long Bawan, utara Kalimantan, Indonesia. Namun demikian berdasarkan maklumat daripada pihak INTERPOL, Polis Diraja Malaysia mempercayai berlaku penyeludupan terutama kenderaan yang dicurike kawasan berkenaan. Usaha untuk menjejaki kembali kenderaan yang diseludup ke negara berkenaan menemui kesukaran disebabkan faktor-faktor berikut:-

- i) Kenderaan tersebut telah diubahsuai sepenuhnya daripada keadaan asal dan *No Casis* juga telah diubah sebelum diseludup keluar.**
- ii) Kenderaan yang diseludup digunakan di kawasan pendalaman dan dikawasan ladang-ladang dan kawasan pembalakan yang sukar dijejaki oleh pihak berkuasa Negara berkenaan.**
- iii) Perluasan ladang dikalangan pengusaha ladang di Negara Malaysia dan Indonesia disepanjang sempadan menyebabkan tidak wujud "*buffer zone*" atau "*no man's land*" diantara dua buah negara ini. Ini menyebabkan berlaku pertindihan sempadan menyebabkan tidak wujud**

satu kawalan yang efektif bagi aktiviti penyeludupan kenderaan curi, penyeludupan senjata api dan kemasukan pendatang tanpa izin.

- iv) Terdapat pembinaan jalan-jalan tikus serta jalan gajah di sepanjang kawasan sempadan. Jalan yang tidak sah ini dijadikan sebagai jalan alternatif bagi penjenayah untuk melakukan jenayah rentas di sempadan.**
- v) Kesukaran untuk membawa kembali kenderaan tersebut atas faktor peraturan dan undang-undang antara kedua-dua negara yang berbeza, kecuali kenderaan tersebut dirampas oleh pihak berkuasa negara tersebut dan diserahkan kembali kepada negara kita.**

Bagi menjawab soalan (b), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan beberapa langkah untuk membasmi kes curi dan penyeludupan kenderaan diantaranya seperti berikut:-

- i) PDRM telah melancarkan Ops Lejang secara berkala dan juga secara “ad hoc” dalam usaha meningkatkan kadar penyelesaian kes curi kenderaan;**
- ii) PDRM juga telah memperkasa dan memperkemaskan maklumat risikan yang berkaitan dengan kegiatan jenayah kes curi kenderaan;**

- iii) Peralatan berteknologi tinggi, antaranya GPS, juga digunakan oleh PDRM dalam penugasan operasi- operasi khas berkaitan kecurian kenderaan;**
- iv) Laporan senarai butiran kenderaan mewah yang dicuri di seluruh negara dihantar ke semua Gerakan PGA di sempadan-sempadan Malaysia dalam tempoh masa 24 jam; dan**
- v) Mengadakan ceramah kepada pihak awam tentang pengawasan terhadap kenderaan mereka seperti menggalakkan pemilik kenderaan memasang alat penggera yang berkualiti tinggi, memasang kenderaan dengan kunci tambahan, menggalakkan supaya mengukir nombor pendaftaran di cermin kereta (*sand blasting*) dan meletakkan kenderaan di tempat yang mudah dilihat dan terang khususnya di waktu malam.**

Pihak polis telah mencadangkan kepada pihak berwajib menggunakan system *e-plate* yang menggunakan teknologi mikrocip atau *Radio Frequency Identification (RFID)* yang boleh mengelak pemalsuan nombor pendaftaran pada semua jenis kenderaan. Cadangan ini memerlukan kajian yang mendalam sebelum ianya boleh diimplementasikan.